

11 JUN 1996

Rakan Muda

KUMPULAN PEMIKIR KAJI KEBERKESANAN PROGRAM RAKAN MUDA

PETALING JAYA, 11 Jun (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan akan melantik beberapa pegawai dan tokoh-tokoh korporat serta pergerakan belia dan badan agama menganggotai satu kumpulan pemikir bagi mengkaji keberkesanan pelaksanaan Program Rakan Muda setakat ini.

Menteri berkenaan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kumpulan pemikir itu akan dibentuk dalam masa seminggu ini bagi mendapatkan pandangan khusus mengenai keberkesanan dan pendekatan baru program Rakan Muda.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan surat persetujuan bantuan kewangan RM4.7 juta kepada Majlis-majlis Belia Negeri dan penerangan fokus baru Program Rakan Muda Fasa II di sini petang ini.

Selain itu kumpulan pemikir itu akan membuat analisis sama ada Rakan Muda yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Oktober 1994, berjaya memikat kumpulan sasarannya iaitu remaja yang gemar melepak.

"Mereka juga akan mengenalpasti mereka yang melepak di samping merangka satu modus operandi bagi memastikan program Rakan Muda benar-benar menepati kumpulan sasarannya seperti remaja yang bermasalah," katanya.

Muhyiddin mengaku bahawa Program Rakan Muda setakat ini belum lagi mencapai matlamat yang dikehendaki kerana bukan mudah untuk membentuk jiwa remaja dalam masa yang singkat.

" Tidaklah tepat jika dikatakan tidak berkesan langsung,"katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhyiddin berkata kumpulan pemikir itu akan bermula dengan sesi percambahan fikiran awal bulan depan dengan harapan mendapat pendapat baru dan pengukuran yang lebih tepat mengenai keberkesanan program.

Menurutnya kementerian sedang berusaha mewujudkan suasana lebih menyeluruh membangkitkan semula gerakan pembangunan belia di kalangan pertubuhan belia termasuk meningkatkan kualiti kepimpinan yang sesuai dengan tuntutan dan arah aliran semasa.

Dalam hubungan ini, kementerian sedang bekerjasama dengan Majlis Belia Malaysia bagi merangka semula Dasar Belia Negara yang lebih bertepatan dan bersesuaian dengan kehendak masa dan proses pembinaan negara, katanya.

Mengulas tentang prestasi atlit negara di Sukan Malaysia (Sukma) Keenam yang berakhir di Kuantan, semalam, Muhyiddin berkata pencapaian mereka pada keseluruhannya amat membanggakan dan meningkat ke tahap yang lebih tinggi.

Kementerian akan mengadakan satu "post-mortem" sedikit masa lagi bagi mengkaji kejayaan setiap negeri yang mengambil bahagian di samping mencari jalan bagaimana membantu negeri-negeri yang kurang maju di bidang sukan tertentu, katanya.

Sehubungan itu, Majlis Sukan Negara akan membantu negeri-negeri berkenaan khususnya yang kurang menghasilkan atlit yang berjaya merangkul pingat emas di sukan tersebut supaya setanding dengan negeri lain.

Beliau juga berharap supaya negeri yang mencapai kejayaan cemerlang di Sukma supaya dapat terus memimpin dan menggerakkan para atlit masing-masing ke arah tahap lebih tinggi sehingga mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Bantuan kewangan itu bertujuan memberi peluang kepada pimpinan Majlis-majlis Belia Negeri membantu kerajaan melaksanakan program Rakan Muda dengan merancang dan menganjurkan sendiri pelbagai aktiviti gaya hidup yang sesuai mengikut suasana setempat dan minat kumpulan fokus sasaran. --

BERNAMA

ZAB NAK